

## **GEMPUR, 3K, didik PBT tolak rasuah**

**KUALA LUMPUR** – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus komited memastikan negara ini bebas rasuah, terbaharu menerusi pendekatan dibuat bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan memperkenalkan slogan 3K iaitu 'Kami Tolak. Kami Laporkan. dan Kami Tangkap'.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, berkata, slogan itu dilaksanakan bawah Kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah (GEMPUR) yang dilancarkan serentak seluruh negara bersempena Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) siri 2/2018.

Menurutnya, ia memberi fokus kepada PBT yang disifatkan amat dekat dengan penduduk setempat dan sering dipersepsi terlibat dengan jenayah rasuah dan salah guna kuasa.

"GEMPUR merupakan pelengkap kepada kempen 3J (Jangan Hulus, Jangan Kawtim, Jangan Settle). Tujuan utama GEMPUR adalah bagi mendidik penjawat awam supaya menolak sebarang bentuk tawaran atau pemberian rasuah.

"Dengan pelaksanaan ini, ia mampu meningkatkan imej PBT. Kejayaan kempen ini bergantung



Barisan pegawai dan kakitangan DBKL bersama SPRM sempena Program GERAH dan Pelancaran Kempen GEMPUR bersama PBT DBKL.

penuh dengan kerjasama daripada semua penjawat awam," katanya sempena Program GERAH dan Pelancaran Kempen GEMPUR bersama PBT Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di sini, semalam.

Kempen berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 25 Akta SPRM 2009 yang mewajibkan mana-mana orang melaporkan tawaran atau pemberian rasuah kepada SPRM.

Kegagalan melapor adalah kesalahan jenayah yang boleh dihukum denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd Amin

Nordin Abd Aziz, berkata, pihaknya telah mengeluarkan pekeliling kepada pegawai dan kakitangan DBKL atas kesediaan DBKL menyediakan insentif kepada sesiapa yang tampil memberi laporan berhubung kegiatan pemberian rasuah.

"Mana-mana kakitangan yang menolak rasuah dan melaporkan pemberian rasuah dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dan bonus," katanya.

Untuk rekod, sehingga 31 Disember tahun lalu, seramai 214 penjawat awam yang menolak dan melaporkan kegiatan pemberian rasuah telah menerima pengiktirafan SPRM membabitkan insentif sebanyak RM384,575.